

NO. SOALAN: 194

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD MANAP [SEKIJANG]**

Tuan Anuar bin Abd Manap [Sekijang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah formula dan jalan penyelesaian yang telah dapat dicapai bagi mengatasi masalah kerugian pengusaha stesen minyak akibat daripada harga minyak dunia yang kekal rendah.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Kementerian telah mengadakan perbincangan bersama syarikat minyak pada 20 Jun 2017 dan pengusaha stesen minyak pada 6 Julai 2017 bagi membincang dan menambah baik pelaksanaan harga mingguan petrol dan diesel. Kementerian sedang menjalankan kajian terhadap pelaksanaan harga mingguan dan formula baru hanya akan diperkenalkan sekiranya terdapat bukti kukuh yang memerlukan perubahan kepada pelaksanaan harga mingguan yang sedia ada.

Pada masa yang sama syarikat minyak menyediakan pelbagai insentif bagi membantu pengusaha seperti:

- (i) menyediakan kemudahan kedai runcit di stesen minyak bagi menambah pendapatan pengusaha melalui jualan barangan runcit;
- (ii) membenarkan pengusaha menambah atau membatalkan pesanan pembelian bekalan petrol dan diesel bagi mengawal stok bekalan di stesen minyak; dan
- (iii) menjalankan program-program promosi di media massa bagi menarik lebih ramai pelanggan ke stesen minyak.